



KEMENTERIAN KOMUNIKASI  
DAN MULTIMEDIA MALAYSIA

CyberSecurity  
MALAYSIA

## SIARAN MEDIA

1 OKTOBER 2021  
UNTUK SIARAN SEGERA

### MALAYSIA DIPILIH SEBAGAI PENGERUSI APCERT BAGI PENGGAL 2021-2022

**CYBERJAYA (1 OKTOBER 2021)** – Malaysia melalui CyberSecurity Malaysia, sebuah agensi di bawah kawal selia Kementerian Komunikasi dan Multimedia Malaysia (KKMM) telah dipilih semula sebagai Pengurus dan Ahli Jawatankuasa Pemandu kepada Pasukan Tindakbalas Kecemasan Komputer Asia Pasifik (Asia Pacific Computer Emergency Response Team - APCERT).

Pemilihan berlangsung di Mesyuarat Agung Tahunan APCERT yang diadakan secara dalam talian pada 29 September 2021. Dengan pelantikan ini, Malaysia sekali lagi diberi kepercayaan menerajui Jawatankuasa Pemandu APCERT yang turut dianggotai oleh pasukan tindak balas kecemasan komputer dari negara-negara seperti Republik Rakyat China, Jepun, Australia, Republik Korea, Sri Lanka, dan Taiwan.

Seperti tahun sebelumnya, Mesyuarat Agung Tahunan tahun ini dikendalikan secara dalam talian dan dihoskan oleh Sekretariat APCERT, Pasukan Tindakbalas Kecemasan Komputer/Pusat Koordinasi Jepun (JPCERT/CC). Melalui acara sebegini, APCERT terus mempromosikan visi mewujudkan ruang siber yang lebih selamat, bersih dan lebih dipercayai di rantau Asia Pasifik melalui kerjasama global.

Menurut YB Tan Sri Datuk Seri Panglima TPr Annuar Haji Musa, Menteri Komunikasi dan Multimedia Malaysia, kerjasama global seperti APCERT ini amat penting dalam usaha menangani ancaman dan serangan siber kerana isu keselamatan siber merupakan isu sejagat yang berlaku tanpa mengenal sempadan. Penglibatan

**ETIKA**  
HARI KESELAMATAN INTERNET 2021 EDISI MALAYSIA

Safer  
Internet  
Day 2021  
Together for a better internet



CERTIFIED TO ISO/IEC 27001:2013  
CERT. NO.: ISMS 90114



CyberSecurity Malaysia  
200601006881 (726630-U)



T +603 8800 7999  
F +603 8008 7000  
H 1 300 88 2999

Level 7, Tower 1  
Menara Cyber Axis  
Jalan Impact  
63000 Cyberjaya  
Selangor Darul Ehsan  
Malaysia.

[www.cybersecurity.my](http://www.cybersecurity.my)



Securing Our Cyberspace

Malaysia melalui CyberSecurity Malaysia di arena antarabangsa amat signifikan kerana ini menunjukkan kesungguhan negara dalam membina keupayaan dan kecekapan untuk mengukuh dan memperkasakan ekosistem keselamatan siber sekali gus mewujudkan ruang digital yang dipercayai dan kondusif melalui perkongsian maklumat, pengalaman dan juga kepakaran.

Tambah beliau lagi, platform kerjasama seperti APCERT ini pastinya akan menghasilkan penciptaan nilai ekonomi digital serta menjadi hab rujukan bagi memupuk kepercayaan, jalinan persefahaman jangka panjang dan kolaborasi perniagaan antara negara.

Sementara itu, Pengerusi Ahli Lembaga Pengarah CyberSecurity Malaysia Jeneral Tan Sri Dato' Seri Panglima Mohd Azumi Mohamed (Bersara) yang hadir pada Mesyuarat Agung Tahunan APCERT tersebut berkata pemilihan sebagai Pengerusi merupakan satu pengiktirafan kepada kepimpinan, kepakaran teknikal, dan komitmen CyberSecurity Malaysia di rantau ini terutamanya sewaktu dunia menghadapi cabaran pandemik Covid-19 sekarang ini. Kata beliau lagi, Malaysia sebagai Pengerusi APCERT amat komited dan akan meneraju kolaborasi dalam menyampaikan perkhidmatan yang dipercayai khususnya dalam menangani serangan siber berskala besar serta mengurangkan impak berkaitan selain memberi tindak balas segera dalam menghadapi insiden siber.

CyberSecurity Malaysia adalah salah sebuah organisasi pengasas kepada penubuhan APCERT pada tahun 2002. Ini merupakan pemilihan yang keempat kalinya (2021-2022) selepas pemilihan yang pertama pada tahun 2007, yang kedua pada bagi tahun 2019-2020, dan yang ketiga bagi tahun 2020-2021. CyberSecurity Malaysia kekal sebagai Ahli Jawatankuasa Pemandu APCERT semenjak penubuhannya dan akan meneruskannya sehingga tahun 2023.

### **Mengenai APCERT**

APCERT ditubuhkan sebagai peneraju Pasukan Tindakbalas Kecemasan Komputer Kebangsaan (CERT) dari ekonomi-ekonomi di rantau Asia Pasifik untuk memperbaiki kerjasama, tindak balas dan perkongsian maklumat di kalangan ahli CERT di rantau ini. APCERT dianggotai oleh 33 Ahli Operasi, dari 23 ekonomi di rantau Asia Pasifik, 4 ahli

korporat, 4 Ahli Liaison, dan 2 Ahli Strategik. Maklumat lanjut mengenai APCERT boleh didapati di [www.apcert.org/](http://www.apcert.org/).

### **Mengenai CyberSecurity Malaysia**

CyberSecurity Malaysia adalah agensi pakar dan teknikal keselamatan siber di bawah kawal selia Kementerian Komunikasi dan Multimedia Malaysia (KKMM). CyberSecurity Malaysia menyediakan perkhidmatan kepakaran dalam keselamatan siber seperti: Perkhidmatan Kecemasan Kecemasan Siber, Perkhidmatan Pengurusan Kualiti Keselamatan, Pembangunan Professional dan Outreach dan Perhubungan Strategik dan Penyelidikan.

~ Tamat ~

---

*Untuk maklumat lanjut, sila lawati <http://www.cybersecurity.my> dan untuk pertanyaan umum sila emel [info@cybersecurity.my](mailto:info@cybersecurity.my). Untuk pertanyaan lanjut mengenai dokumen ini, sila emel: [media@cybersecurity.my](mailto:media@cybersecurity.my) or sila hubungi talian 603-8800 7999, Mohd Shamil Mohd Yusoff (sambungan: 7237) / Zul Akmal Abdul Manan (sambungan: 7242)*